

## PANDUAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon adalah warganegara Malaysia yang akan bergraduat pada 2021 (Majlis Konvokesyen November 2021).
2. Pemohon perlu membaca kriteria pencalonan Hadiah Buku Inovasi MTDC.
3. Pemohon perlu memaklumkan kepada penyelia masing-masing tentang permohonan yang dibuat.
4. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan *google form*.
5. Pemohon perlu menyediakan video bicara tuntas (*pitching*) berdurasi 3 minit dalam bahasa yang mudah difahami (*layman term*) yang menerangkan:
  - Rumusan keseluruhan projek penyelidikan dengan menyatakan permasalahan kajian (*problem statement*), objektif penyelidikan dan penyelesaian masalah.Pemohon sangat digalakkan menjawab persoalan ini dalam video bicara tuntas:
  - a. Adakah penyelidikan dijalankan novel/inventif?
  - b. Adakah penyelidikan menghasilkan pengubahsuaian/peningkatan/pengembangan baru yang akan menghasilkan produk, sistem, reka bentuk, bahan atau proses baru.
  - c. Adakah penyelidikan menyelesaikan masalah/keperluan semasa dan adakah output penyelidikan mempunyai impak yang signifikan kepada masyarakat/ekonomi/polisi atau perundangan?
  - d. Adakah penyelidikan ini memenuhi keperluan pasaran?
  - e. Adakah penyelidikan menghasilkan prototaip/“*proof-of-concept*”?
  - f. Apakah penyelidikan dilakukan dengan kerjasama/ atau dibincangkan dengan rakan industri atau pihak berkepentingan lain?Video atau pautan video ini hendaklah dimuatnaik di *google form* (borang permohonan).
6. Tempoh permohonan : 30 Jun 2021 – 4 Ogos 2021.
7. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada [awardsandscholarship@ukm.edu.my](mailto:awardsandscholarship@ukm.edu.my) dengan menamakan tajuk emel “Pertanyaan Mengenai Hadiah Buku Inovasi MTDC”
8. Keputusan jawatankuasa pemilihan Hadiah Buku Inovasi MTDC adalah muktamad.

*Nota: panduan perlu dimuat naik di Laman Web sebagai fail “Panduan permohonan Hadiah Buku Inovasi MTDC 2020” dan diletakkan di muka hadapan google form sekali dengan Poster.*